

Contemporary Colours in Artworks

Warna Kontemporari Dalam Karya Seni

Aimi Atikah Roslan¹, Syed Alwi Syed Abu Bakar²

^{1,2} Department of Fine Art, Faculty of Art and Design, Universiti Teknologi MARA,
Perak Branch, Seri Iskandar Campus, 32610 Seri Iskandar, Perak, MALAYSIA.

Email: ¹ aimia295@uitm.edu.my

Published: 28 September 2019

ABSTRACT

The purpose of this study is to discuss on contemporary colours in artwork. Contemporary colours have developed a bridge between theory and practice, particularly in the production of works of art. While other studies have been conducted on colours solely, this one focuses on the relationship between artwork and contemporary colours. This teaches the reader that contemporary colours are an integral component of the world of painting and design art. The study of contemporary colours employs artwork to address the subject about the significance of modern colours. As a result, the significance of modern colours has become significant that it has evolved into a movement within the context of contemporary art. This writing is an attempt to convey information about colours using a common language.

Keywords: Colour, contemporary

ABSTRAK

Penulisan ini adalah mengenai kajian terhadap warna kontemporari di dalam karya seni. Warna kontemporari telah menjadi penghubung dalam mengaplikasi teori dan praktikal terutamanya dalam menghasilkan karya seni lukis. Walaupun sudah banyak kajian mengenai warna namun kajian ini mengupas hubung kait antara karya seni dan warna kontemporari. Ini membolehkan pembaca memahami bahawa warna kontemporari adalah sebahagian daripada dunia seni lukis dan seni reka bentuk. Penyelidik menggunakan karya seni dalam kajian warna kontemporari bagi menjawab persoalan kepentingan warna kontemporari. Hasilnya, peranan warna kontemporari ini sangat penting yang menjadi pergerakan sesuatu era seni kontemporari. Penulisan ini adalah satu cubaan untuk membawa perkara yang berkaitan dengan warna dengan menggunakan satu bahasa yang sama.

Kata kunci: Warna, Kontemporari

eISSN: 2550-214X © 2019. The Authors. Published for Ideology Journal of Arts and Social Science by UiTM Press. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution-NonCommercial-NoDerivatives License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited, and is not altered, transformed, or built upon in any way.

1. PENGENALAN

Warna menjadi elemen penting dalam kehidupan harian terutamanya dalam penghasilan karya seni ketika ini. Karya seni sering dihargai kerana gaya warnanya. Ia merupakan elemen yang paling ekspresif dan ia mempengaruhi emosi penghayat. Apabila penghayat melihat karya seni, mereka akan segera dapat merasakan emosi melalui olahan warnanya.

Lazimnya manusia bertindak balas terhadap warna yang digunakan sebelum mereka dapat membaca label pada sesuatu produk atau memahami imejan. Pemilihan warna yang tepat dapat menarik perhatian

penghayat. Contohnya Mark Rothko yang terkenal dengan gaya warna minimalis menggunakan warna dua atau tiga sahaja dan telah menjadi ikonik warna serta rujukan pengkarya bagi penghasilan karya seni pada ketika ini.

Warna telah menjadi sebahagian daripada dalam diri, naluri hidup dan juga perkembangan manusia. Tiada seorang pun yang tidak menyukai warna. Namun, pemilihan warna telah berubah dari masa ke semasa mengikut peredaran zaman. Menurut June Mcleod (2016), warna adalah medium yang berkuasa yang memainkan peranan penting dalam evolusi serta menjadi asas hubungan sesama manusia.

Berdasarkan petikan Ocvirk, Stinson, Wigg, Bone dan Cayton (2006), warna bertindak sebagai fungsi penting dalam karya seni catan. Pemahaman tentang penggunaan warna menjadi penting apabila warna diterapkan secara subjektif dalam karya seni catan. Hal ini menjelaskan warna adalah antara pilihan utama bagi pengkarya dalam menghasilkan karya seni. Begitu juga bagi karya seni catan kontemporari.

2. OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan pemerhatian terhadap kajian lepas, pengkaji mendapati belum ada lagi kajian mengenai warna kontemporari di dalam karya seni. Persoalannya apakah kepentingan warna kontemporari dalam karya seni? Secara langsungnya kita sering didedahkan dengan karya kontemporari namun kita tidak sedar warna telah menjadi peranan utama dalam pergerakan seni kontemporari. Hal ini juga telah menimbulkan persoalan tentang bagaimanakah warna kontemporari menjadi pilihan pengkarya seni? Objektif penyelidikan ini adalah untuk mengkaji warna kontemporari dalam penghasilan karya seni bagi menjawab persoalan-persoalan yang telah dikemukakan.

3. PERNYATAAN MASALAH

Warna adalah elemen yang penting dalam penghasilan karya kontemporari. Namun, kesesuaian pemilihan warna kontemporari dalam sesetengah karya tidak mencapai daya tarikan estetik melalui sistem hubungan warna yang teratur. Ocvirk, Stinson, Wigg, Bone dan Cayton (2006) menyebut warna akan membantu memberi bentuk dan makna kepada subjek hasil seni seorang pengkarya. Hal ini kerana, penghayat akan memberi tindak balas emosi segera apabila melihat gaya warna yang terdapat pada karya seni.

4. LITERATUR

Syed Ahmad Jamal (1992:23) menyatakan bahawa warna memainkan peranan yang penting dalam kebudayaan, sama ada dari segi estetika atau simbol. Warna adalah elemen reka bentuk yang sangat penting. Warna boleh merangsang mata dan otak dan juga memberi tindak balas terhadap pemerhati. Ia berupaya mengubah emosi dan jiwa serta memberi kesan fizikal kepada perasaan pemerhati. Warna juga menjadikan sesuatu barang kelihatan ringan atau berat, dekat atau jauh.

Pemilihan warna yang sesuai akan menghasilkan karya seni yang menarik.

“Our psychological, religious background, cultural heritage, and personal inclination determine our sense of color. Perceptual, psychological, and pictorial concerns can also affect the way we choose and work with color. Understanding how these elements influence our judgments and choices allows us, as artist and designer, to use them more effectively”.

Steven Bleicher (2012)

Warna juga seperti muzik. Kedua-duanya memiliki irama dan keharmonian yang digunakan untuk menambah perasaan. Ianya dapat dirasai dengan pancaindera dan emosi kita serta memintas fikiran di bawah sedar penghayat.

4.1 Warna

Seorang ahli fizik Inggeris iaitu Sir Isaac Newton (1642-1727) mendapati bahawa, sinaran putih yang dibiarkan melalui prisma telah dipecahkan kepada spektrum warna iaitu merah, jingga, kuning, hijau, biru, indigo dan ungu (Edith dan Ron, 2014). Warna-warna ini telah diubah modelnya menjadi dua dimensi yang membentuk roda warna pertama. Namun begitu, belum ada lagi kajian yang menyatakan hasil gabungan daripada dua atau tiga pigmen warna bagi mendapatkan warna putih kerana teorinya berdasarkan campuran warna cahaya.

Menurut Edith dan Ron (2014), Moses Harris seorang ahli entomologi Inggeris dan juga pengukir (aktif 1766-1785) yang menulis dalam buku *Natural Systems Of Colours* pada 1766 menyatakan bahawa, warna asas telah dibahagikan kepada tiga iaitu merah, kuning dan biru. Menurutnya, warna merah, kuning dan biru sebagai warna asas yang disebut sebagai primitif. Campuran primitif ini menghasilkan warna sekunder iaitu jingga, hijau dan ungu. Roda warna Harris dibahagikan kepada lapan belas bahagian warna yang sama dan setiap bahagiannya ditambah warna putih bagi warna cerah dan warna hitam bagi warna gelap. Warna terbahagi kepada tiga bahagian iaitu prima, sekunder dan tertiar. Warna asas adalah warna merah, biru dan kuning dan ianya adalah utama kepada semua warna lain. Warna hitam akan terbentuk apabila ketiga-tiga bahagian warna ini dicampurkan bersama.

Berdasarkan kenyataan daripada June Mcleod (2016), kebanyakan manusia menerima warna putih dan hitam dilihat sebagai warna cahaya dan gelap. Tambah beliau lagi, warna ketiga yang diangkat di dalam dunia adalah merah. Merah telah menjadi imej korporat di beberapa syarikat terkenal seperti Coca-Cola, KFC, Mc Donald dan lain-lain. Hal ini disebabkan merah cenderung kepada aktif, mewujudkan pergerakan dan menarik perhatian. Ianya juga mencipta haba dan keseronokan, merangsang pancaindera kita, menjadikan kita terjaga, berjaga-jaga dan sedar. Merah, kuning dan jingga dikategorikan sebagai warna panas yang memberi impak segera. Namun begitu, warna ini kurang digunakan sebagai warna hiasan utama kerana ianya datang dengan rasa yang kurang selesa. Kelemahannya apabila warna panas tidak digunakan dengan betul akan menghilangkan keseimbangan dalam sesuatu rekaan. Namun begitu penggunaan warna panas dalam kuantiti yang sedikit dapat membantu mengekalkan rangsangan serta memberi daya hidup.


4.2 Kontemporari

Berdasarkan Ian Chilvers dan John Graves-Smith (2009) seni kontemporari adalah seni yang dihasilkan pada masa ketika itu. Istilah seni kontemporari juga boleh adalah dianggap “pada masa tersebut”. Istilah ini sangat elastik kerana definisi ini cenderung bergerak sentiasa ke hadapan. Ia juga untuk menggambarkan sudut pandangan orang-orang yang menentukannya dalam suatu tempoh masa yang tertentu.

Menurut Edith dan Ron (2014) petik dari ahli sejarah Alexander Alberro (2009) menyatakan kontemporari kini dapat dikesan dengan sumber khusus dan tarikh asal. Bagi Alberro tempoh baru ini telah mengubah piawai seni abad ke 20 khususnya konsep-konsep modernisme dan avant-garde. Beliau juga berpendapat bahawa istilah kontemporari menjadi jelas menggantikan penggunaan moden bagi menggambarkan seni pada ketika itu. hidup.

4.3 Warna Kontemporari

Secara kita sedar atau tidak, warna–warna yang berada disekeliling kita ini sangat serasi dengan kehidupan. Ia seakan berinteraksi antara satu sama lain. Semua orang mempunyai citarasa berbeza dalam pemilihan warna. Majoritinya kini @ masyarakat moden kini memilih ke arah berkonsepkan minimalis di dalam kehidupan seperti warna pakaian, perabot, kereta mahupun rumah. Setiap perubahan dalam pemilihan warna dan rekaan kontemporari disebabkan adanya seseorang yang telah mencetuskan kepada revolusi warna. Piet Mondrian seorang pelukis awal abad ke 20 telah mencetuskan revolusi warna melalui karya-karya catan beliau. Sebagai contohnya karya beliau yang bertajuk *Composition II in Red, Blue and Yellow* (1930) yang telah mengubah gaya persembahan seni dunia.



Rajah 1: *Composition II in Red, Blue, and Yellow* (1930)

Karya beliau telah berubah dari masa ke semasa sehingga beliau menghasilkan karya yang sangat minimalis dengan penggunaan warna-warna prima contohnya karya *Composition II Red, Blue and Yellow* pada tahun 1930. Karya beliau telah memberi kesan terhadap budaya dan kita dapat melihat bagaimana pengaruh karyanya berpanjangan yang mengubah gaya seni, muzik, seni bina dan fesyen hingga kini. Ini dapat dilihat dengan jelas melalui majalah *Vogue* 1965 yang mana hasil rekaan pakai pada majalah tersebut telah menggunakan hasil karya Piet Mondrian.



Rajah 2: *Majalah Vogue, 1965*

Unsur-unsur warna dan elemen di dalam karya Piet Mondrian juga digunakan dalam seni bina. Sebagai contohnya arkitek Gerrit Rietveld telah mengubah perspektif pergerakan seni bina.



Rajah 3: Rietveld Schroder House, 1924

Beliau telah membangunkan Rietveld Schroder House di Utrecht pada tahun 1924 dengan mengeluarkan semua hiasan yang tidak diperlukan bagi menyerlahkan elemen kontemporari.

Warna dan rekaan kontemporari telah menjadi warna pilihan masa kini. Dengan pemilihan warna dan bentuk kontemporari ini telah mencetuskan satu revolusi seni yang diterima ramai dalam semua bidang. Pemilihan warna dan rekaan yang tepat juga dapat mencetuskan satu emosi pada penghayat.

4.4 Peranan Warna Kontemporari

Pada ketika ini, warna prima yang terdiri daripada warna merah, biru, kuning telah banyak digunakan di dalam karya catan. Seniman telah melangkaui penggunaan warna ini melebihi warna prima dan campuran daripada warna prima. Hal ini kerana, penghasilan warna yang tidak menggunakan asas warna prima telah banyak dikeluarkan dan digunakan dalam pelbagai jenis produk, fesyen, kenderaan, bangunan dan sebagainya. Contohnya warna *chartreuse* iaitu warna antara kuning dan hijau yang telah banyak digunakan pada produk seperti kasut, baju, pembakar roti dan sebagainya. Jika pada 20 tahun yang lalu penggunaan warna kontemporari hanyalah digunakan pada alat kecemasan seperti baju keselamatan, tanda kecemasan dan lain-lain, tetapi pada ketika ini kebanyakan seniman sudah mula menggunakan warna-warna ini di dalam penghasilan karya. Contohnya karya Jeff Koons yang bertajuk *Ballon Flower (Magenta)*, (1995-2000). Beliau adalah seorang artis kontemporari yang paling berjaya pada hari ini di mana beliau mengabadikan dirinya di dalam karya melalui imej dengan pendekatan karya yang menggunakan warna kontemporari. Jeff Koons menterjemah karya beliau dengan penggunaan subjek mainan dan hadiah melalui arca dan catan dengan warna yang *brilliant* dan saiz yang berskala besar.



Rajah 4: Flower (Magenta), 1995-2000

Yayoi Kusama juga cenderung menggunakan warna kontemporari di dalam karyanya walaupun menggunakan imej yang agak mudah dengan pengulangan rupa bulatan yang banyak dan warna yang agak minimal. Namun penggemar seni sangat tertarik dengan karyanya walaupun berada dalam jarak yang agak jauh disebabkan warna yang digunakan adalah warna kontemporari.

Warna kontemporari lazimnya digunakan pada lampu yang ada pada pusat hiburan, taman tema hiburan dan sebagainya bagi menarik pelanggan. Warna ini sangat memberi kesan terhadap psikologi manusia kerana masyarakat banyak terdedah dengan teknologi. Penggunaan teknologi seperti komputer, tablet, telefon pintar, televisyen dan sebagainya sedikit sebanyak mempengaruhi perubahan citarasa pemilihan warna pada kehidupan manusia. Jika pada zaman dahulu memakai kasut berwarna kontemporari adalah sangat janggal namun ketika ini menjadi gaya pilihan generasi kini. Seniman juga terdedah dengan warna-warna terang secara tidak sedar dan ia telah mempengaruhi mereka dalam penghasilan karya.

Sememangnya kita gemar melihat warna seperti hijau tetapi dengan sedikit sentuhan warna kontemporari ianya telah mengubah sesuatu menjadi lebih bertenaga dan bersemangat. Seperti karya Jeff Koons iaitu *Ballon Flower (Magenta)*, 1995-2000, yang telah dibuat dengan skala yang besar diletakkan ditengah permukaan tasik yang berlatar belakang pemandangan hijau. Penggunaan warna magenta pada arca yang diperbuat daripada high-chromium stainless steel diletakkan di bawah sinaran matahari di mana Jeff Koons telah menjadikan karya ini begitu menonjol dengan warna kontemporari dan menarik perhatian orang. Penerapan warna ini cukup menarik kerana Jeff Koons menggunakan warna yang bertindak sebagai kontra dalam satu ruangan yang dingin. Penerapan warna ini memberi kesan suhu hangat pada orang di dalam lingkungan ruangan itu.

5. METODOLOGI

Kaedah yang digunakan oleh pengkaji bagi penyelidikan ini adalah bersifat deskriptif. Kaedah ini adalah untuk menerangkan secara terperinci fenomena tertentu atau ciri-ciri individu, keadaan, atau kumpulan. Tujuan utamanya adalah untuk mendapatkan pemahaman tentang topik tertentu dan menerangkan peristiwa atau keadaan semasa. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang bermaksud bahawa data yang berkenaan termasuk transkrip wawancara, rekod data lapangan, gambar, dokumen peribadi, nota dan nota lain. Teknik yang digunakan dalam penyelidikan kualitatif biasanya adalah kaedah temubual, pemerhatian, penulisan lepas dan pemerhatian. Ini digunakan untuk mendapatkan pemahaman tentang sebab, pendapat, dan motivasi yang mendasarinya.

6. KEPENTINGAN WARNA KONTEMPORARI DALAM KARYA SENI

T.K. Sabapathy and Redza Piyadasa (1983, p18) menyatakan bahawa penerokaan seniman Jolly Koh dalam kajian sifat warna telah merapatkan jurang antara ekspresionis dan konstruktivis. Dalam karya beliau seperti *Wanda* (1969), warna digunakan sebagai cara menyampaikan sifat permukaan, sifat pigmen visual dan ruang bergambar yang dinyatakan dengan kesan ilusi minima.



Rajah 5: *Wanda, 1969, Oil on Canvas, 152cm x 135cm*

George Baselitz antara seniman yang meningkat nama pada ketika ini dimana karya beliau menggunakan subjek dan warna sangat sangat terhad. Beliau menjadikan karya Piet Mondrian sebagai sebahagian karyanya dengan menambah indentitinya yang terkenal dengan imej terbalik dengan gaya sapuan berus kasar. Sebagai contoh karya *Black (Remix)* menggunakan media cat minyak di atas kanvas pada 2007 yang mengambil inspirasi daripada karya Piet Mondrian namun diolah dengan gaya yang tersendiri. George menggunakan warna dan gaya karya Piet Mondrian namun masih lagi mengekalkan warna-warna natural seperti warna tanah, warna kulit dan warna kelabu. Penggunaan warna ini di dalam karya *Black (Remix)* secara tidak langsung telah meningkatkan ke satu tahap karya yang memisahkan era kontemporari di zaman Piet Mondrian namun masih menggunakan sedikit sentuhan rekaan beliau.

Karya ini juga lebih nampak tidak tersusun seperti karya Piet yang mana ianya seperti melanggar reka bentuk karya tetapi masih lagi nampak terancang. Pemilihan warna ini juga lebih memberi rasa emosi. Walaupun warna panas digunakan, namun kita masih lagi mahu melihat ke arah warna natural disebabkan sentuhan warna yang boleh dikatakan setiap hari kita melihatnya. Ianya sangat dekat dengan jiwa manusia kerana secara fitrahnya mata kita sukakan warna yang lembut dan selesa dipandang.



Rajah 6: *Black (Remix) oil on canvas, 2007*

“....and if you reconverted the painting today, the blue skin of the negative would become flesh-coloured. Of course, you could say that this is mere gimmickly- but for me, this work is very serious, even over period of months or years.”

George Baselitz *Back Then, In Between and Today* (2014, p.92)

George menggunakan warna monokromatik iaitu warna yang menggunakan satu warna sahaja dengan tona yang berbeza bertindak sebagai satu ruang yang menolak imej ke belakang. Warna

monokromatik beliau gunakan majoritinya adalah warna kelabu iaitu campuran semua warna prima dan sekunder dengan mencampurkan warna gelap dan putih bagi menghasilkan tona dari gelap ke cerah. Tonanya lebih ke arah tona cerah. George telah sengaja meletakkan warna hitam dengan satu garisan yang tidak tetap dan sedikit warna merah, biru dan kuning yang persis karya Piet Mondrian. Secara keseluruhan, beliau telah menggabungkan dua jenis kelompok warna secara tidak langsung seterusnya melanggar era Piet Mondrian yang lebih menggunakan warna secara teratur. George juga memberikan nilai ton di dalam karya dan beliau begitu perihatin dalam reka bentuk warna sebagai hubungan kontradiksi antara warna-warna lokal bagi mengorganisasi karya secara keseluruhan.

Kombinasi karya George bergantung kepada kontras yang kuat dengan gabungan pelbagai warna. Skema warna ini telah membentuk warna pelengkap. Skema ini berdasarkan perbezaan warna, nilai dan keamatan yang kuat yang dapat memberi kesan ekspresif. Ianya dikawal oleh warna yang bertentangan. Dalam hal ini, warna gelap walaupun dalam nilai yang sedikit mampu menguasai kawasan yang besar dan terang. Selain itu, warna kontemporari walaupun kecil tetapi boleh mengimbangi warna dengan jumlah yang besar seperti warna kelabu yang dapat menuetralkan keseluruhan karya. Begitu juga dengan sedikit warna merah dan kuning biasanya menguasai lebih banyak warna biru walaupun keduanya mempunyai intensi yang sama. George juga menggunakan kaedah lain yang biasa digunakan iaitu melembutkan sedikit perbezaan yang dibesar-besarkan bagi memisahkan semua bahagian warna dengan garis neutral atau kawasan. Garis hitam adalah neutral yang paling berkesan bagi tujuan ini kerana ianya dapat mengikat warna-warna yang berbeza dan juga meningkatkan warna.

Warna kontemporari menjadi penting dalam memberi kualiti ruang di dalam sesebuah karya. Ianya juga dapat mewujudkan emosi serta melambangkan sesebuah idea. Warna dapat mengekspresi emosi dan juga perasaan peribadi. Selain itu, daya tarikan estetik dapat diwujudkan dengan sistem hubungan warna yang baik. Seniman sering menghasilkan kombinasi warna yang menentang prinsip-prinsip panduan warna tetapi masih lagi dapat memuaskan mata pemerhati seni. Seniman menggunakan warna dalam memberikan makna yang sangat peribadi di dalam karya. Kadang-kala kombinasi warna seperti nampak kontra bagi mencapai tujuan seniman di dalam berkarya. Seperti karya George yang menunjukkan kombinasi skema warna ini juga dapat digunakan dengan sengaja. Tiada aturan yang pasti bagi mendapatkan hubungan warna kontemporari namun telah didiskusikan beberapa prinsip panduan. Dengan landasan ini, seniman dapat menghasilkan bahasa warnanya sendiri dalam memberi interaksi dinamik di dalam karya kontemporari.

RUJUKAN

- Edith Anderson Feisner and Ron Reed Bloomsbury, "Color Studies", Publishing New York, 2014.
- G.A. Agoston, "Color Theory and Its Application in Art and Design", Springer-Verlag Berlin Heideberg New York, 1987
- Ian Chilvers dan John Graves-Smith, "A Dictionary of Modern and Contemporary Art", Oxford University Press, 2009
- June Mclead, "Color Psychology Today", John Hunt Publishing, United Kingdom 2016
- T.K. Sabapathy and Redza Piyadasa, "Modern Artist Of Malaysia", Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur (1983, p.18)
- Ulrich Wilmes, "George Baselitz Back Then, In Between and Today", Prestel Publishing, London 2014
- Steven Bleicher, "Contemporary Color: Theory & Use", Nelson Education Ltd, Canada 2012
- Syed Ahmad Jamal, "Rupa & Jiwa", Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992